



29 Julai 2016  
29 July 2016  
P.U. (A) 214

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 2016

*CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 3) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung proviso (xxxiv) dengan koma bernoktah; dan

(ii) dengan memasukkan selepas proviso (xxxiv) proviso yang berikut:

"(xxxv) di Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram,  
Daerah Johor Bahru, Johor, waktu-waktu itu adalah—

pada setiap masa pada mana-mana hari."; dan

(b) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung proviso (xxxiii) dengan koma bernoktah; dan

(ii) dengan memasukkan selepas proviso (xxxiii) proviso yang berikut:

“(xxxiv) di Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram,  
Daerah Johor Bahru, Johor, waktu-waktu itu adalah—

pada setiap masa pada mana-mana hari.”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama, dalam Bahagian I, di bawah subkepala “Negeri-Negeri Tanah Melayu” dengan menggantikan Port Kastam “Tanjung Langsat, Johor” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

<i>Port Kastam</i>	<i>Perihal Barang-Barang</i>	<i>Tempat pendaratan yang sah di sisi Undang-undang</i>
“Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor	Semua barang	<p>Jeti Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor, menganjur sepanjang 1188.335 meter ke arah laut yang terletak di tebing barat Sungai Johor di:</p> <p>Jeti No. 1 (JETI F): Garis lintang: <math>1^{\circ}26'16.06''U</math> Garis bujur: <math>104^{\circ}00'33.15''T</math></p> <p>Jeti No. 2 (JETI E): Garis lintang: <math>1^{\circ}26'18.57''U</math> Garis bujur: <math>104^{\circ}00'31.33''T</math></p> <p>Jeti No. 3 (JETI D): Garis lintang: <math>1^{\circ}26'30.25''U</math> Garis bujur: <math>104^{\circ}00'36.27''T</math></p>